

# Pemborong, peniaga ambil kesempatan

KPDNHEP keluarkan 13  
kompaun atas kesalahan  
menaikkan harga topeng muka

Oleh MOHD RIDZUAN ABU HASSAN

SHAH ALAM

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bertindak tegas terhadap pemborong dan peniaga yang mengambil kesempatan menaikkan harga topeng muka berikutan penularan koronavirus.



ISKANDAR

Pemeriksaan penguatkuasaan sejak 29 Januari lalu sehingga kelmarin di seluruh negara dilakukan bagi mengesan premis perniagaan yang menjual barangan itu melebihi harga kawalan.

Pengarah Bahagian Penguatkuasa, Datuk Iskandar Halim Sulaiman berkata, sebanyak 13 kompaun dikeluarkan bagi kesalahan tersebut mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (AKHAP 2011).

Menurutnya, dua lagi kes melibatkan kesalahan tiada tanda harga di bawah Pe-

rintah 3(1) Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1993.

"Sebanyak 216 aduan diterima dan sepanjang tempoh pemeriksaan itu, penguat kuasa mengeluarkan kompaun berjumlah RM32,200 dengan rampasan bernilai RM4,215.50

"Mulai 3 Februari tahun ini, kadar minimum kompaun adalah RM10,000 bagi perseorangan dan RM20,000 bagi syarikat.

"Kompaun tersebut perlu dibayar dalam tempoh 14 hari dari tarikh dikeluarkan dan jika gagal berbuat demikian, peniaga akan didakwa di mahkamah," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Sepanjang tempoh pemeriksaan itu beliau berkata, tiada kes direkodkan bagi kesalahan petunjuk atau gambaran yang mengelirukan dan menyorok atau menahan barangan tersebut daripada sampai ke pasaran untuk tujuan memanipulasi.

Kerajaan menetapkan harga maksimum runcit bagi harga barang terkawal ke atas lima jenis topeng muka.

Individu yang melanggar kesalahan di bawah akta berkenaan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Sementara itu, syarikat pula boleh didenda tidak melebihi RM500,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya, boleh didenda tidak melebihi RMI juta.



## Dua premis jual topeng muka melebihi harga kawalan diserbu

**KUALA PILAH** - Sebanyak 90 unit topeng muka tiga lapis dirampas di dua premis berasingan di sini kerana menjual barangan tersebut melebihi harga kawalan pada Khamis lalu.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan, Ain Arjuna Aziz Zaman berkata, premis tersebut didapati menjual topeng muka itu dengan harga RM1 berbanding harga kawalan 80 sen seunit.

"Kedua-duanya telah melakukan kesalahan mengikut Seksyen 11 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan kerana menjual barangan harga terkawal selain mengikut harga maksimum pengeluar, borong dan runcit," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Katanya, jika didapati bersalah, pelaku boleh didenda tidak lebih RM500,000 untuk kesalahan kali pertama, manakala denda RM1 juta bagi kesalahan kali kedua untuk perbadanan.

Sebaliknya, jika ia bukan perbadanan atau milikan tunggal, denda dikenakan tidak



Dua premis berasingan di Kuala Pilah diserbu KPDNHEP pada Khamis lalu.

melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan pertama, manakala untuk kesalahan kali kedua, denda dikenakan tidak melebihi RM250,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.


Terdahulu katanya, serbuan dilakukan berdasarkan aduan diterima pihaknya mengenai kegiatan tersebut di Kuala Pilah.

"Bagaimanapun, kami memberi tawaran kompaun kepada pemilik premis sebanyak RM10,000 yang perlu dijelaskan dalam tempoh 14 hari bermula kelmarin," katanya.



## Dua premis diserbu jual topeng muka melebihi harga kawalan

NORAFIDAH ASSAN | | 8 Februari 2020



Dua premis berasingan di Kuala Pilah diserbu KPDNHEP kelmarin.

**KUALA PILAH** - Sebanyak 90 unit topeng muka tiga lapis (ear & head loop) dirampas di dua premis berasingan di sini kerana menjual barangan tersebut melebihi harga kawalan, kelmarin.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan, Ain Arjuna Aziz Zaman berkata, premis tersebut didapati menjual harga topeng muka itu dengan harga RM1 berbanding harga kawalan 80 sen seunit.

"Kedua-duanya telah melakukan kesalahan mengikut Seksyen 11 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan kerana menjual barangan harga terkawal selain mengikut harga maksimum pengeluaran, borong dan runcit," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Katanya, sekiranya didapati bersalah, pelaku boleh didenda tidak lebih RM500,000 untuk kesalahan kali pertama, manakala denda RM1 juta bagi kesalahan kali kedua untuk perbadanan.

Sebaliknya, jika ia bukan perbadanan atau milikan tunggal, denda dikenakan tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan pertama, manakala untuk kesalahan kali kedua, denda dikenakan tidak melebihi RM250,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Terdahulu katanya, serbuan dilakukan berdasarkan aduan diterima pihaknya mengenai kegiatan tersebut di Kuala Pilah.

"Bagaimanapun, kami memberi tawaran kompaun kepada pemilik premis sebanyak RM10,000 yang perlu dijelaskan dalam tempoh 14 hari bermula kelmarin," katanya.